

Pelepah kelapa benteng angin

Marang: Fenomena air pasang besar serta angin kencang menyebabkan penduduk di pesisir pantai hidup dalam ketakutan sehingga memaksa mereka melakukan pelbagai persiapan termasuk membina tebing pasir dan menggunakan pelepah kelapa bagi melindungi kediaman masing-masing.

Tinjauan Harian Metro mendapati penduduk menyiapkan penghadang angin, selain mempertingkatkan benteng pasir sedia ada di kediaman masing-masing.

Penduduk, Laila Muhammad, 45, dari Kampung

Rusila berkata, fenomena air pasang besar dan angin kencang sejak Isnin lalu membuatkan dia bersama ahli keluarga dan penduduk kampung sentiasa bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

“Kami bina penghadang angin menggunakan pelepah kelapa, selain mempertingkatkan kekuatan benteng pasir disediakan di kawasan rumah oleh pihak berkaitan.

“Malangnya, benteng pasir disediakan sejak tahun lalu itu tidak mampu menghadang ombak kuat dan tinggi sehingga air tetap masuk ke kawasan ru-

mah,” katanya ditemui, di sini, semalam.

Laila berkata, memandangkan angin kencang melanda berkemungkinan ombak yang membadai hari seterusnya bertambah tinggi dan kuat berbanding sebelum ini dan penduduk mengambil langkah berjaga-jaga setiap masa.

“Kami bimbang kejadian lebih teruk berlaku dan memusnahkan harta benda penduduk dan usaha dijalankan sekadar mengurangkan kesan disebabkan fenomena itu, tetapi bukannya penyelesaian terbaik menangani masalah itu,” katanya.